



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

*Aras 2 Blok K, Pusat Bandar Damansara, 50782 Kuala Lumpur  
Tel: 03-20944702; Fax: 03-20956523; Emel: pro@kpkt.gov.my.*

---

( 55 )KPKT/BPK/19/3/6 Klt. 37

12 November 2009

Pengarang  
Sinar Harian

Tuan/Puan,

**Akhbar : Sinar Harian**  
**Tarikh : 22 Oktober 2009**  
**Muka surat : S23**  
**Tajuk : Rumah Terbengkalai, Pembeli Rasa  
Tertipu**

Merujuk kepada artikel dari akhbar Sinar Harian bertajuk "Rumah Terbengkalai, Pembeli Rasa Tertipu", pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengucapkan terima kasih kepada pihak Sinar Harian kerana mengenengahkan permasalahan ini.

Untuk pengetahuan pihak tuan, KPKT khususnya Jabatan Perumahan Negara telah meneliti laporan tersebut dan membuat semakan terhadap permasalahan yang dihadapi oleh pembeli-pembeli Projek taman Cahaya, Batang Berjuntai yang telah diisytiharkan sebagai projek perumahan terbengkalai pada 31

Disember 2003. Susulan dari itu, beberapa pemaju telah menunjukkan minat untuk memulihkan projek berkaitan.

Kementerian sememangnya sedar masalah utama yang dihadapi dalam usaha untuk memulihkan projek ini ialah suntikan dana yang diperlukan bagi pemulihan projek. Sehubungan itu, pihak Kementerian sedang berusaha berunding dengan semua pihak berkaitan termasuk pembeli, tuan tanah, pihak bank serta pihak-pihak berkaitan yang lain untuk mengatasi masalah dana yang dihadapi sama ada dengan cara pengurangan kos yang diperlukan untuk menyiapkan projek atau membuat sumbangan tambahan bagi tujuan pemulihan projek. Pihak Kementerian akan berusaha untuk menamatkan perkara ini sebelum hujung tahun ini.

**Dikeluarkan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan**